



KERAJAAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

**PEKELILING KEWANGAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN
BIL. 1 TAHUN 2008**

Semua Pegawai Pengawal

PENGURUSAN ANGGARAN PERBELANJAAN 2008

Tujuan

1. Tujuan pekelling ini adalah untuk memberi garis panduan kepada semua Pegawai Pengawal bagi menguruskan Bajet Tahun 2008 seperti yang diperuntukkan di bawah **Seksyen 15A(1) Akta Prosedur Kewangan 1957 (Akta 61)**.

Anggaran Perbelanjaan Mengurus

2. Y.A.B. Menteri Besar telah menandatangani **Waran Am Bil. 1 dan 2 Tahun 2008** pada 21 Disember 2007 mengikut Seksyen 13(2) dan 13(3)(a)(ii)

Akta Prosedur Kewangan 1957 (Akta 61) bagi pengeluaran wang sebanyak **RM619,353,870** daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk membiayai perbelanjaan berikut:

- a) sejumlah **RM30,239,631** di bawah Maksud Tanggungan; dan
- b) sejumlah **RM589,114,239** di bawah Maksud Bekalan, seperti yang diluluskan di bawah Akta Perbekalan 2008.

3. Pegawai Pengawal adalah dibenarkan untuk membuat perbelanjaan seperti yang diluluskan dalam anggaran perbelanjaan mengurus bagi tahun 2008. Semua Pegawai Pengawal adalah dipertanggungjawabkan untuk mengawasi perbelanjaan di bawah kawalan masing-masing dan memastikan ianya tidak melebihi jumlah yang telah diluluskan.

Anggaran Perbelanjaan Pembangunan

4. Y.A.B. Menteri Besar telah menandatangani **Waran Kumpulan Wang Pembangunan Bil. 1 Tahun 2008** pada 21 Disember 2007 mengikut Seksyen 8 dan 9 Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 (Akta 406) bagi pengeluaran wang berjumlah **RM180,850,000** daripada Kumpulan Wang Pembangunan untuk membiayai perbelanjaan bagi Maksud-Maksud yang dinyatakan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2008.

5. Pegawai Pengawal adalah dibenarkan membuat perbelanjaan seperti yang telah diluluskan dalam anggaran itu melainkan jika dinyatakan perbelanjaan tersebut memerlukan kelulusan Pejabat Kewangan Negeri terlebih dahulu.

6. Pegawai Pengawal adalah diingatkan supaya jumlah yang ditanggung ke atas sesuatu kod projek tidak melebihi daripada jumlah yang diperuntukkan serta perlu memantau pelaksanaan projek pembangunan dengan rapi untuk memastikan ia dilaksanakan mengikut jadual.

Pengeluaran Waran-Waran Peruntukan

7. Pegawai Pengawal dikehendaki mengeluarkan Waran Peruntukan Kecil kepada Pusat Tanggungjawab di bawah bidang kuasa masing-masing dengan segera.

Pembayaran

8. Pegawai Pengawal hendaklah mematuhi pindaan kepada **Arahan Perbendaharaan 103** seperti yang dijelaskan dalam **Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 2006** dan **Pekeliling Kewangan Negeri Perak Bil. 4 Tahun 2006**. Pindaan ini menetapkan supaya bil dan tuntutan dibayar dengan segera **tidak lewat daripada 14 hari** ia diterima atau selaras dengan syarat-syarat perjanjian atau kontrak mengikut mana yang berkenaan.

9. Mulai **1 Mac 2007** Kerajaan Negeri telah bersetuju melaksanakan pembayaran dalam **masa sepuluh (10) hari bekerja** sahaja, iaitu enam (6) hari di jabatan atau PTJ dan empat (4) hari di Pejabat Pembayar (Bendahari Negeri). Pegawai Pengawal diminta untuk memastikan proses pembayaran dilakukan dalam tempoh masa **sepuluh (10) hari bekerja** tersebut. Perkara ini dijelaskan melalui **Pekeliling Kewangan Negeri Perak Bil. 3 Tahun 2007**.

10. **Arahan Perbendaharaan 59** juga perlu dipatuhi di mana pembayaran sesuatu **bili** yang dikemukakan dengan sempurna bagi barang atau perkhidmatan yang dipesan dan dibekalkan kepada Kerajaan tidak boleh ditahan oleh sebab apa-apa keraguan samada pertanggungan itu telah dilakukan dengan sepatutnya.

Kawalan dan Penjimatan Perbelanjaan

11. Permohonan peruntukan tambahan **tidak akan dipertimbangkan** kecuali benar-benar perlu dan dalam keadaan kecemasan. Untuk mengelakkan peruntukan tambahan, Pegawai Pengawal hendaklah mengenal pasti penjimatan dalam program sedia ada.


12. Bagi tujuan kawalan peruntukan yang disediakan untuk emolumen, sebarang cadangan untuk pengisian jawatan baru hendaklah dikemukakan kepada Pejabat Kewangan Negeri terlebih dahulu.

13. Usaha-usaha penjimatan perlu dilaksanakan terutama melalui kawalan dalaman di setiap jabatan dengan mengurangkan penggunaan tenaga elektrik dan air serta mengadakan majlis keralan yang berpatutan. Selain itu, mesyuarat-mesyuarat atau kursus-kursus di luar Negeri Perak juga perlu dikurangkan. Ketua jabatan perlulah memantau setiap pembelian yang dilakukan agar pembelian berkenaan dilakukan secara berhemah dan berjimat cermat. Setiap pembelian hendaklah dipastikan benar-benar menjadi keperluan dan menguntungkan Kerajaan dari segi kos dan kualiti.

14. Semua Pegawai Pengawal hendaklah mematuhi **Akta Prosedur Kewangan 1957 (Akta 61), Arahan Perbendaharaan, Pekeliling dan Surat Pekeliling Perbendaharaan serta Pekeliling Kewangan Negeri** yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Pegawai Pengawal hendaklah menjalankan tugas seperti yang telah ditetapkan di bawah Seksyen 15(A) Akta Prosedur Kewangan 1957 (Akta 61).

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(DATO' JAMALLUDIN AL AMINI BIN HJ. AHMAD)

Pegawai Kewangan Negeri

Perak Darul Ridzuan.

2 Januari 2008

s.k. Bendahari Negeri

Perak Darul Ridzuan